

KERATAN AKHBAR

Silibus Tabika Kemas terbaik

Mendapat pengiktirafan Reader's Digest Trusted Brands

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Tiada keperluan merombak silibus sedia ada yang dilaksanakan Taman Bimbangan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, silibus berkenaan diiktiraf sebagai 'One of Trusted Brand for Preschool Learning Centre' pada 2017 oleh Reader's Digest Trusted Brands.

Menurutnya, kaedah pendidikan juga pernah ditambah baik menerusi modul pendidikan Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM).

"Program STREAM dilancarkan Oktober tahun lalu memberi peluang kanak-kanak belajar sambil mengaplikasikan keadaan sebenar. Contohnya di Melaka menggunakan *aerospace* dan di Wilayah Persekutuan ada *robotic*," katanya pada sidang media selepas lawatan ke Prowheels (M) Sdn Bhd, di Kampung Kuala Sungai, Kubang Rotan semalam.

Rina diminta mengulas sama ada silibus di Tabika Kemas kurang berkualiti dan wajar dirombak susulan terdapat ibu bapa memilih tadika swasta.

Katanya, yuran di Tabika Kemas jauh lebih ren-



Rina (lima dari kanan) bergambar bersama sebahagian warga kerja Prowheels dan tetamu jemputan selepas mengadakan lawatan ke premis itu semalam.

dah berbanding swasta.

"Kebanyakan Tabika Kemas dibina di luar bandar dan ada juga di bandar. Kita memahami kemelut ibu bapa di bandar dan akan terus bina mengikut bajet mereka," katanya.

Menurutnya, Tabika

Kemas Transit turut diwujudkan di kawasan bandar dan pinggir bandar bagi membantu mengurangkan perbelanjaan ibu bapa.

Dalam perkembangan lain, Rina memberitahu, Majlis Amanah Rakyat (Mara) membantu mem-

biayai 6,300 usahawan dalam bidang automotif sejak 2011 hingga Jun lalu.

"Kementerian memperuntukkan sebanyak RM10.1 juta bawah skim pembiayaan perniagaan Mara dalam bidang automotif tahun ini," katanya.

info

Program STREAM memberi peluang kanak-kanak belajar sambil mengaplikasikan keadaan sebenar

Menurutnya, seramai 778 usahawan menerima kemudahan premis di bawah skim terbabit selain Skim Pembiayaan Teknikal (Putek) dan Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM).

"Permintaan pembentukan sektor automotif meningkat 126 peratus melebihi sasaran bagi program usahawan teknikal.

Menurutnya, Mara akan terus memberi bimbingan dalam bidang keusahawanan, pembangunan infrastruktur, perniagaan dan pembiayaan melalui peruntukan RM412.5 juta.

KETERANGAN AKHBAR